

Dua hadits yang diriwayatkan daripada Abi Hurairah, (Pertamanya ialah) kata Nabi s.a.w.: “Allah s.w.t. berfirman: Akulah yang paling tidak berhajat kepada sekutu.” Keduanya ialah “kesombongan adalah selimutKu.” Kami akan menyebutkannya pada Bab Riya’ dan Bab Takabbur in sya’ Allah.²⁰⁰

الفصل الثاني

FASAL KEDUA

Antara Ajaran Agama Islam Yang Terpenting

٢٦- وَعَنْ مُعَاذِ بْنِ جَبَلٍ قَالَ كُنْتُ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي سَفَرٍ فَأَصْبَحْتُ يَوْمًا قَرِيبًا مِنْهُ وَنَحْنُ نَسِيرُ فَقُلْتُ يَا نَبِيَّ اللَّهِ أَخْبِرْنِي بِعَمَلٍ يُدْخِلُنِي الْجَنَّةَ وَيُبَاعِدُنِي مِنَ النَّارِ قَالَ لَقَدْ سَأَلْتَ عَنْ عَظِيمٍ وَإِنَّهُ لَيْسِيرٌ عَلَى مَنْ يَسِرُهُ اللَّهُ عَلَيْهِ تَعَبُدُ اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُ بِهِ شَيْئًا وَتَقِيمُ الصَّلَاةَ وَتُؤْتِي الزَّكَاةَ وَتَصُومُ رَمَضَانَ وَتَحُجُّ الْبَيْتَ ثُمَّ قَالَ أَلَا أَذْكَاءُ عَلَى أَبْوَابِ الْخَيْرِ الصَّوْمُ جُنَّةٌ وَالصَّدَقَةُ تُطْفِئُ الْخَطِيئَةَ كَمَا يُطْفِئُ الْمَاءُ النَّارَ وَصَلَاةُ الرَّجُلِ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ ثُمَّ قَرَأَ قَوْلَهُ تَعَالَى {تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنْ الْمَضَاجِعِ حَتَّىٰ بَلَغَ يَغْمَلُونَ} ثُمَّ قَالَ أَلَا أَخْبِرُكَ بِرَأْسِ الْأَمْرِ وَعَمُودِهِ وَذُرْوَةِ سَنَامِهِ فَقُلْتُ بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ وَذُرْوَةُ سَنَامِهِ الْجِهَادُ ثُمَّ قَالَ أَلَا أَخْبِرُكَ بِمَلَكَ ذَلِكَ كُلِّهِ فَقُلْتُ لَهُ بَلَى يَا نَبِيَّ اللَّهِ فَأَخَذَ بِلِسَانِهِ فَقَالَ كَفَّ عَلَيْكَ هَذَا فَقُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ وَإِنَّا لَمُؤَاخِدُونَ بِمَا نَتَكَلَّمُ بِهِ فَقَالَ تَكَلَّمْتَ أَتَمَّكَ يَا مُعَاذُ وَهَلْ يَكُفُّ النَّاسَ عَلَى وُجُوهِهِمْ فِي النَّارِ أَوْ قَالَ عَلَى مَنَاحِرِهِمْ إِلَّا حَصَائِدُ أَلْسِنَتِهِمْ - رَوَاهُ أَحْمَدُ وَالتِّرْمِذِيُّ وَابْنُ مَاجَةَ

dilakukannya semasa jahiliah dahulu. Hadits Ibnu Mas'ud pula menceritakan tentang orang yang memeluk agama Islam dengan hati yang tidak ikhlas dan terus melakukan dosa-dosa yang pernah dilakukannya semasa jahiliah setelah memeluk agama Islam. Antara pengajaran, panduan dan pedoman yang dapat disimpulkan daripada hadits ini ialah: (1) Bersalaman atau berjabat tangan adalah sunnah ketika berbai'ah. (2) Keharusan mengemukakan syarat sebelum menerima sesuatu perkara. (3) Keistimewaan memeluk agama Islam. Memeluk agama Islam menggugurkan dosa-dosa yang pernah dilakukan oleh seseorang semasa jahiliah. (4) Keistimewaan ibadat-ibadat seperti haji dan hijrah, kerana ia juga dapat menggugurkan dosa-dosa seseorang.

²⁰⁰ Kerana ia lebih sesuai dengan dua bab itu berbanding bab ini.

26- Mu'aaz bin Jabal meriwayatkan, katanya: "Pernah aku bersama Nabi s.a.w. dalam suatu perjalanan. Pada suatu pagi dalam perjalanan itu aku berada dekat Baginda ketika kami sedang berjalan. Ketika itu aku berkata: "Wahai Rasulullah! Beritahulah kepadaku suatu amalan yang dapat memasukkan daku ke dalam syurga²⁰¹ dan menjauhkan daku dari neraka".²⁰² Jawab Rasulullah s.a.w.: "Sesungguhnya kamu telah bertanya tentang suatu (perkara) yang besar,²⁰³ akan tetapi ia mudah kepada orang yang dipermudahkan oleh Allah;²⁰⁴ Sembahlah Allah, jangan mempersekutukannya dengan apapun, dirikan shalat, tunaikan zakat, berpuasalah di bulan Ramadhan dan kerjakan haji ke Baitillah. Kemudian Baginda s.a.w. bersabda: "Tak mahukah kamu aku tunjukkan kepadamu pintu-pintu kebaikan?"²⁰⁵ Puasa adalah perisai.²⁰⁶ Sedekah dapat

²⁰¹ Amalan yang dapat memasukkan seseorang ke dalam syurga tentunya amalan yang dikira disisi syara' dan diterima Allah. Isnad majazi telah diguna pakai oleh Rasulullah s.a.w. di sini apabila Baginda s.a.w. mengatakan amalanlah sebagai sesuatu yang memasukkan seseorang ke dalam syurga, padahal yang memasukkan seseorang ke dalam syurga sebenarnya ialah rahmat Allah. Ini kerana amalan tidak lebih daripada sebab untuk seseorang dimasukkan ke dalam syurga semata-mata, ia bukan 'illat. 'Illat sebenar bagi seseorang manusia dapat masuk syurga ialah rahmat Allah s.w.t.

²⁰² Maksud Mu'aaz ialah masuk syurga tanpa didahului azab neraka.

²⁰³ Kerana ia melibatkan perkara ghaib. Sedangkan tiada siapa pun mengetahui perkara ghaib selain Allah. Aku sendiri pun tidak mengetahuinya kecuali apa yang diberitahu oleh Allah s.w.t. Entah amalan mana yang akan menjadi sebab bagi seseorang dimasukkan ke dalam syurga oleh Allah!

²⁰⁴ Sabda Rasulullah s.a.w. ini menunjukkan kuasa memberi taufiq kepada seseorang manusia untuk melakukan sesuatu amalan hanya berada di tangan Allah semata-mata. Seseorang akan berasa mudah melakukan sesuatu jika Allah mempermudahkannya.

²⁰⁵ Pintu-pintu kebaikan yang dimaksudkan di sini ialah 'Amalan-'amalan sunat yang membawa kepada kebaikan dan mendatangkan pahala. Kerana di akhirnya Baginda s.a.w. bersabda: صلاة الرجل في جوف الليل. Kalau amalan yang dimaksudkan di sini ialah 'amalan fardhu, tentu akan berlaku pengulangan, kerana sebelum ini sudah pun disebut sembahyang, puasa, zakat dan haji.

'Amalan-'amalan ini juga disebut sebagai pintu kebaikan kerana ia amat berat untuk dilakukan. Orang yang berjaya melakukannya walaupun ia adalah 'amalan-'amalan berat, sudah tentu amat mudah kepadanya melakukan 'amalan-'amalan lain. Ia umpama pintu yang berkunci bagi sesebuah rumah, sukar untuk memasukinya, tetapi bila kuncinya terbuka, kesukaran itu sudah tiada lagi. Puasa berat, kerana apabila seseorang berpuasa ia mestilah meninggalkan segala kehendak nafsu, dan ini adalah suatu yang bertentangan dengan tabi'at jiwa manusia. Berbelanja di jalan Allah dengan bersedekah yang zahirnya tidak akan membawa apa-apa pulangan duniawi kepada seseorang amat berat, ini kerana manusia itu menurut kejadian asalnya adalah kedekut. Bangun bersembahyang di tengah malam memang berat kerana tidur adalah waktu rehat manusia, apalagi setelah ia dibuai mimpi-mimpi yang indah dan berada dalam cuaca yang amat sejuk atau sangat nyaman. Tetapi, itulah yang dianjurkan Allah. Itulah masa yang dikatakan terbaik untuk bermunajat kepadaNya. Perhatikan saja firman Allah di bawah ini:

memadamkan dosa, sebagaimana air memadamkan api,²⁰⁷ dan shalat seseorang di tengah malam,²⁰⁸ kemudian Baginda s.a.w. membaca (dua) ayat (berikut): تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنْ الْمَضَاجِعِ يَمْشُونَ عَلَى الْأَسْطِثَاءِ ذَاتَ لُحُوفٍ (As-Sajdah: 16 - 17).²⁰⁹ Kemudian Beliau s.a.w. berkata: “Mahukah kamu aku tunjukkan kepala (segala urusan) agama serta tonggak dan puncaknya?” Jawabku: “Tentulah saya mahu wahai Rasulallah”. Jawab Nabi: “Kepala

إِنَّ نَاشِئَةَ اللَّيْلِ هِيَ أَشَدُّ وَطْئًا وَأَقْوَمُ قِيلًا ﴿٦﴾

Bermaksud: Sesungguhnya bangun (bersembahyang dan beribadat) di waktu malam itu adalah lebih tepat (untuk khusus), dan bacaan di waktu itu lebih berkesan. (al-Muzzammil: 6).

²⁰⁶ Ia dapat memelihara tuannya daripada gangguan hawa nafsu dan ma'shiat yang akan menjerumuskannya ke dalam neraka di akhirat nanti, sebagaimana perisai menghalang tuannya daripada tercedera dan terbunuh di medan perang. Kekenyangan pula boleh mendorong seseorang melakukan dosa yang akan menjejaskan imannya. Ia juga membuatkan seseorang menjadi malas berkerja dan beribadat, selain boleh menyeretnya melakukan sesuatu yang melebihi keperluan.

²⁰⁷ Dosa yang akan terhapus ialah yang berkaitan dengan hak Allah sahaja. Kalau berkait dengan manusia, kabaikannya akan diberikan kepada orang yang dizalimi.

²⁰⁸ Bahagian sabda Baginda s.a.w. ini seolah-olahnya tergantung kerana ketiadaan khabarnya. Ia sebenarnya masih belum berakhir lagi. Beberapa perkara harus ditakdirkan sebagai andaian khabarnya. (1) Hakikat ganjaran pahalanya, hanya Allah sahaja yang tahu. (2) Sembahyang malam adalah antara yang terkandung didalam firman Allah yang dibaca Rasulullah s.a.w. selepasnya. (3) Sembahyang malam merupakan salah satu pintu kepada kebaikan. (4) Sembahyang malam adalah antara amalan orang-orang saleh. (5) Sebagaimana sedekah boleh menghapuskan dosa seseorang, sembahyang malam juga merupakan penghapus dosa seperti tersebut di dalam hadits yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada 'Urwah bin an-Nazaal daripada Mu'aaz, katanya: Ketika aku pulang bersama Nabi s.a.w daripada peperangan Tabuk... dan seterusnya Nabi s.a.w bersabda: إِنَّ الصَّوْمَ جَنَّةٌ وَالصَّدَقَةُ وَقِيَامُ الْعَبْدِ فِي جَوْفِ اللَّيْلِ يَكْفِرُ الْخَطِيئَةَ bermaksud: “Puasa itu perisai. Sedekah dan sembahyang seseorang hamba (Allah) di tengah malam dapat menghapuskan dosa(nya).”

²⁰⁹ Di bawah ini dikemukakan dua ayat yang dibaca oleh Rasulullah s.a.w. itu dengan lengkap bersama terjemahannya:

تَتَجَافَى جُنُوبُهُمْ عَنْ الْمَضَاجِعِ يَدْعُونَ رَبَّهُمْ خَوْفًا وَطَمَعًا وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنفِقُونَ ﴿٦﴾ فَلَا تَعْلَمُ نَفْسٌ مَّا

أُخْفِيَ لَهُمْ مِنْ قُرَّةِ أَعْيُنٍ جَزَاءً بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٧﴾

Bermaksud: 16. lambung mereka renggang dari tempat tidur (untuk bersembahyang malam dan melakukan amal saleh yang lain); mereka selalu berdoa kepada Rabbnya dengan penuh rasa takut dan harap di samping selalu (juga) mendermakan sebahagian dari apa yang Kami berikan kepada mereka. (16) tidak ada seorang pun mengetahui apa yang dirahsiakan untuk mereka (berupa ni'mat-ni'mat) yang amat indah dipandang dan amat menggembirakan, sebagai balasan kepada amal-amal saleh yang mereka telah kerjakan. (17). (As-Sajdah: 16 - 17).

(segala urusan) agama ialah Islam,²¹⁰ tonggakunya ialah shalat, dan puncaknya ialah jihad”.²¹¹ Kemudian Baginda bertanya: “Mahukah aku beritahukan kepadamu tentang pengukuh bagi semua (yang tersebut) itu?” Jawabku: “Tentulah wahai Rasulallah”. Kata Baginda sambil memegang lidah: “Jagalah lidah ini”.²¹² Maka kataku: “Apakah kita dikira bersalah dengan apa yang kita cakapkan wahai Nabiyallah?” Jawab Nabi: “Aduhai Mu’aaz! Bukankah hasil tuaian lidah manusialah yang menyebabkan mereka disembam ke dalam neraka?”²¹³ (Ahmad, Tirmizi dan Ibnu Majah).

²¹⁰ Kepala atau asas agama dikatakan Islam di dalam hadits ini. Di dalam hadits lain ia dikatakan ucapan dua kalimah syahadah. Di dalam hadits yang diriwayatkan oleh Ahmad melalui saluran riwayat Syahar bin Hausyab daripada Ibnu Ghunm daripada Mu’aaz misalnya, tersebut begini: *إِنَّ رَأْسَ هَذَا الْأَمْرِ أَنْ تَشْهَدَ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ*. Bermaksud: “Sesungguhnya kepala (asas) ugama ini ialah engkau bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah sahaja, tiada sekutu bagiNya. Dan sesungguhnya Muhammad itu adalah hambaNya dan rasulNya.” Hadits riwayat Ahmad ini kiranya dapatlah dijadikan sebagai pentafsir kepada kata ‘Islam’ yang tersebut di dalam hadits 26 di atas. Nabi s.a.w. mengumpamakan Islam atau dua kalimah syahadah dengan kepala sesuatu yang hidup untuk menyatakan betapa pentingnya Islam atau dua kalimah syahadah dalam kehidupan beragama. Segala amalan agama berupa ibadat atau kebajikan-kebajikan yang lain tidak bererti dan sia-sia saja tanpanya. Sebagaimana jasad sesuatu makhluk yang hidup tidak boleh hidup tanpa kepala. Kewujudannya tanpa kepala bukan sekadar tidak sempurna, malah tidak bererti sama sekali.

²¹¹ Sabda Nabi s.a.w. ini mengisyaratkan kepada jihad bukanlah suatu perkara mudah dan darjatnya pula amat tinggi. Ia juga menunjukkan jihad adalah `amalan yang paling utama selepas `amalan-`amalan fardhu yang lain. Ugama Islam tidak akan memuncak naik tanpa jihad dalam konsepnya yang luas, mencakupi jihad dengan senjata, pena atau lidah dan sebagainya sesuai dengan keadaan yang menuntutnya.

²¹² Maksudnya ialah jangan bercakap sesuatu yang sia-sia, kerana orang yang banyak bercakap akan banyaklah silapnya. Orang yang silapnya banyak akan banyaklah pula dosanya dan orang yang banyak dosanya pula akan disembam ke dalam neraka.

²¹³ Dengan lidahlah manusia dengan mudah sekali mengucapkan kalimat-kalimat kufur. Dengan lidah juga manusia dengan senang dapat menuduh, memfitnah, mencarut, mengumpat, mengacum, mengadu domba, memaki, berdusta dan sebagainya. Akibat daripada perbuatan lidah yang keji seperti itulah manusia di akhirat nanti disembam ke dalam neraka. **Antara pengajaran, panduan dan pedoman** yang dapat diambil daripada hadits ini ialah: (1) Ada amalan-amalan dan kepercayaan-kepercayaan tertentu yang dapat menjadi sebab kepada seseorang dimasukkan ke dalam syurga dan dijauhkannya dari neraka. (2) Perkara yang sukar dan payah sekalipun jika dipermudahkan oleh Allah akan menjadi mudah dan senang. (3) Kepentingan dan keistimewaan ajaran tauhid. (4) Bahayanya syirik kepada manusia. (5) Kewajipan melaksanakan rukun Islam yang lima. (6) Setiap amalan agama ada kelebihannya yang tersendiri. Puasa misalnya akan menjadi perisai kepada tuannya. (7) Nabi s.a.w. selalu membuat perbandingan dan perumpamaan di dalam hadits-hadits qaulinya. Ia menyerlahkan lagi kebijaksanaan Baginda. (8) Kelebihan bangun bersembahyang dan beribadat pada waktu malam. (9) Dua kalimah syahadah adalah yang paling penting dan utama daripada sekalian amalan-amalan yang lain. Semua amalan ibadat atau kebajikan tidak sah dan tidak akan